

11 APRIL 2018

**Guru 'gian' ditahan sedang gulung rokok berisi ganja**

Ujian awal saringan air kencing mendapati lelaki terbabit positif bahan berunsur '11-nor-delta-9-tetrahydrocannabinol-9-carboxylic acid (THC)'

**Mohamad Zajnal Abdullah,**  
Ketua Polis Daerah Perak Tengah

## Guru 'gian' ditahan sedang gulung rokok berisi ganja

**Kampung Gajah:** Seorang guru ditahan polis yang menyerbunya ketika sedang asyik membalut rokok daun disyaki berisi ganja di sebuah rumah dekat Taman Changkat Lada Raya, di sini, tengah malam kelmarin.

Dalam serbuan jam 12.45 tengah malam itu, penjawat awam berusia 45 tahun berkenaan diberkas ketika sedang duduk di lantai sebuah bilik di rumah terbabit bersama beberapa bahan, termasuk tumbuhan kering dipercayai ganja seberat 29.59 gram.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Mohamad

Zainal Abdullah, berkata serbuan dijalankan sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Perak Tengah.

### Jumpa alat hisap dadah

"Ketika serbuan, suspek disyaki penagih dadah didapati sedang duduk di atas lantai bilik rumah berkenaan dan pemeriksaan lanjut menjumpai satu bekas plastik warna ungu yang di dalamnya berisi tumbuhan kering disyaki dadah jenis ganja.

"Yang turut dijumpai di atas lantai dalam bilik berkenaan adalah satu paket plastik berisi tembakau dan rokok daun serta

gunting yang disyaki peralatan untuk menghisap dadah," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohamad Zainal berkata, semakan mendapati suspek adalah seorang guru di sebuah sekolah menengah di Kampung Gajah, namun tiada rekod jenayah lampau.

"Ujian awal saringan air kencing mendapati lelaki terbabit positif bahan berunsur '11-nor-delta-9-tetrahydrocannabinol-9-carboxylic acid (THC)'.

"Kes kini disiasat mengikut Seksyen 39A (1) dan Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.